



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ENCIK IBRAHIM BIN YUSOF  
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU BERKHIDMAT BERSAMA  
KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD:  
STESEN KERETAPI TANJONG PAGAR, SINGAPURA**

**AZREEN SOFIA BINTI ABDUL SYUKOR**

**2019717997**

**NURULSYAHIRAH BINTI MISMAN**

**2019707181**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER MAC – JULAI 2020**

	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Abstrak	2
	Penghargaan	3
	Senarai Abreviasi	4
	Senarai Singkatan	5
	Rujukan Kata	6
1.0	Biodata Penemubual	8
	1.1 Penemubual Pertama	8
	1.2 Penemubual Kedua	8
2.0	Biodata Tokoh	9
	2.1 Biodata Tokoh	9
	2.2 Pengenalan kepada tokoh	10
3.0	Sejarah Lisan	11
	3.1 Pengenalan	11
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	13
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	14
4.0	Kajian Literatur	16
	4.1 Topik 1: Pengangkutan awam	16
	4.2 Topik 2: Keretapi Tanah Melayu Berhad	19
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	21-53
6.0	Log Temubual	54 – 80
7.0	Ralat	81
8.0	Glosari	82 – 83
9.0	Indeks	84 – 90
10.0	Bibliografi	91 – 92
11.0	Lampiran	
	11.1. Biografi tokoh	93
	11.2 Surat Perjanjian	94
	11.3 Senarai Soalan	95- 102
	11.4 Diari Penyelidikan	103-109

## **ABSTRAK**

*Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang tokoh yang pernah berkhidmat di Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Tanjong Pagar, Singapura. Selain menyentuh sedikit sebanyak mengenai latar belakang tokoh yang pernah berkhidmat dan bertugas di Stesen Tanjong Pagar ini, Projek sejarah lisan ini akan cuba mengungkap kebenaran sebenar disebalik penutupan stesen tersebut melalui wawancara yang dikendalikan oleh Azreen Sofia binti Abdul Syukor dan Nurulsyahirah binti Misman, pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat (kepujian) Pengurusan Rekod (IM246) Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor Kampus Segamat. Bermula dari sejarah tentang KTMB, kajian ini turut memfokuskan secara menyeluruh isu-isu yang berkaitan dan paling utama tentang Stesen Tanjong Pagar tersebut. Kajian ini bukan sahaja melalui Encik Ibrahim bin Yusof sendiri, malah ianya juga turut diperolehi dari beberapa sumber yang lain bagi melihat sejauh mana persamaan dan perbezaan dalam sumber itu dengan pengalaman yang dialami sendiri oleh Encik Ibrahim Yusof. Melalui projek sejarah lisan ini juga, diharap masyarakat luar terutamanya generasi pada masa sekarang akan mengenali dengan lebih lanjut dan mendalam tentang Stesen Keretapi Tanjong Pagar yang sebenarnya mempunyai nilai sejarah yang besar.*

**Kata kunci : Encik Ibrahim Yusof , Keretapi Tanah Melayu Berhad , Stesen Tanjong Pagar , Singapura, Sejarah lisan**

## **PENGHARGAAN**

Segala puji bagi Allah SWT Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam disampaikan kepada junjungan Nabi Muhammad SAW, keluarga serta sahabat-sahabat baginda. Alhamdulillah syukur kehadiran Allah SWT dengan berkat pertolongan, taufiq serta inayah-Nya telah mengizinkan kami menyiapkan dengan jayanya pendokumentasian Sejarah Lisan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Tanjong Pagar ini.

Ucapan penghargaan juga diberikan khas buat pensyarah Fakulti Pengurusan Maklumat iaitu Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin yang telah bersusah payah memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang tempoh menyiapkan tugasan subjek Sejarah Lisan (IMR604) ini.

Jutaan penghargaan buat Encik Ibrahim bin Yusof selaku tokoh KTMB Tanjong Pagar, Singapura di atas kesudian beliau diwawancara untuk berkongsi pengalaman sepanjang berkhidmat di KTMB Tanjong Pagar serta menceritakan sejarah KTMB Tanjong Pagar.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Puan Nuraishah binti Jasman atas sumbangan beliau dalam usaha mendapatkan tokoh KTMB Tanjong Pagar dan membantu kami berurusan dengan tokoh serta jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa kami atas doa dan sokongan moral dalam usaha menyiapkan kajian sejarah lisan ini.

Akhir kata, ribuan terima kasih kepada sahabat-sahabat semester 5 Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod sesi Mac - Julai 2020 serta semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Segala kerjasama dan pengorbanan masa yang telah dicurahkan akan mendapat keberkatan daripada Allah SWT. Sesungguhnya kudrat yang diberikan hanya Allah SWT sahaja dapat membalasnya. Semoga kalian berjaya di dunia dan di akhirat.

**SENARAI ABBREVIASI**

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
ETS	Electric Train Service
FMSR	Federated Malay States Railways
KTM	Keretapi Tanah Melayu
KTMB	Keretapi Tanah Melayu Berhad
MR	Malayan Railway
OKU	Orang Kelainan Upaya
UiTM	Universiti Teknologi MARA